

**SOALAN NO :111**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN V. SIVAKUMAR  
[BATU GAJAH]  
TARIKH : 12 JUN 2014  
SOALAN :**

**Tuan V. Sivakumar [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada bilangan hospital Kerajaan, katil, doktor dan jururawat mencukupi untuk menampung peningkatan pesakit di hospital Kerajaan dari 1.63 juta pesakit pada tahun 2001 kepada 2.33 juta pesakit pada tahun 2012. Jika tidak, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2013, terdapat seramai 28,409 orang Pegawai Perubatan dan 55,676 orang Jururawat sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga 31 Disember 2013, nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk di Malaysia adalah 1:620

dan nisbah Jururawat kepada penduduk di Malaysia adalah 1:333. Nisbah tersebut masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan selaras dengan nisbah bagi Negara maju iaitu 1:400 bagi Pegawai Perubatan dan Jururawat 1:200.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Negeri Perak mempunyai bilangan penduduk 2.4 juta pada tahun 2012 dengan jumlah katil hospital sebanyak 6960 katil (awam dan swasta). Berdasarkan maklumat tersebut, *bed population ratio* Negeri Perak adalah 2.88 katil per 1000 penduduk. Nisbah ini telah melebihi kadar nasional iaitu 1.92 katil per 1000 penduduk pada tahun yang sama.

Bagi menampung pertambahan penduduk Negeri Perak di masa hadapan, beberapa projek hospital baru dan naiktaraf sedang dilaksanakan iaitu Blok Wanita & Kanak-kanak dan Kardiologi, Hospital Ipoh, projek naiktaraf Hospital Taiping, projek naiktaraf Hospital Seri Manjung dan Hospital Parit Buntar. Jumlah pertambahan katil keseluruhan adalah 890 katil.